

01 NOV 1997

G15-Sidang Kemuncak

MASANYA SUDAH TIBA BAGI G15 TANGANI KRISIS MATA WANG DAN GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Walaupun masih menghadapi masalah selepas tujuh tahun penubuhannya, Kumpulan 15 negara-negara membangun (G15) akan diminta membuktikan kemampuan mereka ketika para pemimpin terbabit berkumpul di sini untuk sidang kemuncak ketujuh kumpulan itu.

Sidang kemuncak tiga hari itu bermula Isnin ini dengan diselubungi dua isu penting iaitu turun naik nilai mata wang dan untuk bersatu menghadapi kesan terhadap perdagangan dan pelaburan pelbagai hala selain meliberalisasikan perkhidmatan kewangan di Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Para pemimpin yang akan tiba esok dijangka mengeluarkan satu kenyataan khas mengenai krisis mata wang yang telah menjejaskan ekonomi Asia Tenggara termasuk dua anggota G15, Malaysia dan Indonesia, dan mencetuskan kejatuhan pasaran saham dari Hong Kong ke Wall Street awal minggu ini.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mempengerusikan sidang kemuncak itu sebelum ini berkata bahawa usaha oleh WTO ke arah globalisasi dan deregulasi akan gagal jika tidak ada undang-undang baru yang membabitkan semua negara diperkenalkan.

Dr Mahathir, yang mengecap penyangak mata wang sebagai tidak bermoral, telah berpendirian tegas dalam menggesa supaya perdagangan mata wang dikawal agar menjadikannya telus.

Dengan keanggotaan merangkumi tiga benua, G15 boleh memainkan peranan penting dan memberi isyarat kepada negara-negara membangun dan yang kurang membangun untuk menilai peranan mereka di pelbagai forum antarabangsa mengenai isu-isu yang menjejaskan kepentingan mereka, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dalam ucapan perasmian pada mesyuarat menteri ekonomi pertama G15 semalam.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya akan diterima sebagai anggota baru dalam sidang kemuncak di sini.

Selain Dr Mahathir, pemimpin lain yang akan hadir pada sidang kemuncak itu ialah Presiden Liamine Zeroual (Algeria), Presiden Hosni Mubarak (Mesir), Presiden Suharto (Indonesia), Presiden Alberto Fujimori (Peru), Presiden Robert Mugabe (Zimbabwe), Naib Presiden Krishan Kant (India), Naib Presiden Carlos Ruckauf (Argentina) dan Timbalan Perdana Menteri Seymour Mullings (Jamaica).

Senegal, Mexico dan Brazil akan diwakili menteri luar masing-masing, Moustapha Niasse, Angel Gurria dan Luiz Felipe Lampreia.

Menteri Ekonomi Chile Alvaro Garcia dan Menteri Industri dan Perdagangan Venezuela Dr Freddy Rojas Parra pula mewakili pemimpin mereka manakala Kenya menghantar Menteri Negara di Pejabat Presiden bagi Kerjasama Serantau, Nicholas K. Biwott.

Perkembangan sejak seminggu lalu menunjukkan bahawa Malaysia semakin mendapat sokongan bagi pendiriannya berhubung krisis mata wang.

Wakil Tetap Zimbabwe ke PBB, Tichaona Jokonya, yang berada di sini berkata, negaranya telah mencadangkan satu kenyataan berasingan mengenai krisis mata wang dikeluarkan memandangkan seriusnya masalah itu.

Beliau berkata negara-negara Utara juga kini menyedari bahawa mereka juga tidak terkecuali daripada krisis mata wang.

Rafidah dan rakan sejawatannya di G15 membincangkan perkara itu semalam dan bersetuju bahawa satu kumpulan kerja dalam WTO untuk menjalankan satu

kajian mengenai pertukaran mata wang dan berhubung perdagangan berikutan krisis itu.

Menurut seorang diplomat, Malaysia terpaksa menghadapi tugas berat untuk meyakinkan negara-negara lain bahawa "ia bukan sekadar masalah Malaysia" tetapi boleh membawa kesan buruk kepada semua pihak.

Seorang pegawai perdagangan berkata kehadiran ketua pengarah WTO Renato Ruggiero di Kuala Lumpur untuk dialog dengan menteri-menteri ekonomi G15 merupakan satu pengiktirafan mengenai pentingnya kumpulan itu yang mempunyai penduduk seramai 1.74 bilion orang dan tahun lepas, mempunyai jumlah dagangan US\$796 bilion yang merupakan tujuh peratus jumlah dagangan dunia.

Pada persidangan WTO yang pertama di Singapura tahun lepas, negara-negara G15 dan negara-negara maju yang lain mengambil pendirian bersama dan menentang percubaan untuk mengaitkan klausa sosial dengan isu buruh.

Pada kali ini negara-negara anggota G15 akan cuba mendapatkan pendekatan yang sama kepada persoalan penting berhubung meliberalisasikan perkhidmatan kewangan yang kini dirunding di bawah WTO dan dijangka selesai bulan depan.

Negara-negara membangun mahu liberalisasi yang progresif mengikut kemampuan negara-negara berkenaan.

Selain itu, para pemimpin akan mengkaji semula kemajuan kumpulan itu dalam merangka arah haluan masa depan G15 untuk alaf baru.

Ini akan meliputi penambahan dialog Selatan-Selatan selain kerjasama pembangunan dan untuk menggalakkan perdagangan antara G15 yang kini berjumlah US\$72 bilion tahun lepas. -- BERNAMA

TCL AKD